

Kerajaan batal tiga proklamasi darurat

Silver 12/4/12 MS 2 -

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan membatalkan tiga proklamasi darurat kerana yakin rakyat kini bersedia memasuki era baru.

"Kerajaan percaya bahawa setelah lebih separuh kurun merdeka dan mengamalkan demokrasi, masyarakat berbilang kaum di Malaysia telah mencapai tahap kematangan yang tinggi.

"Kita kini bersedia memasuki era baru di mana fungsi kerajaan tidak lagi dilihat sebagai menghadkan kebebasan individu.

"Ia juga bagi memastikan bahawa hak-hak asasi yang dilindungi Perlembagaan bagi setiap individu itu terjamin," katanya pada ucapan istiadat pertabalan Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke 14 di Istana Negara, semalam.

Najib berkata, selanjutnya, satu keseimbangan/adil, dapat pula ditemui antara kebebasan seseorang dan keselamatan kebangsaan.

Beliau berkata, bersesuaian dengan il-tizam itu, kerajaan melalui Parlimen telah membatalkan tiga proklamasi darurat yang masih berkuasa dan akan membiarkan semua ordinan di bawah perisytiharan tersebut mansuh pada Jun ini, kecuali tiga ordinan yang akan dibentangkan sebagai rang undang-undang baru di Parlimen iaitu yang berkaitan dengan Rel, Rukun Tetangga dan Undang-Undang Laut Wilayah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah memansuhkan Akta Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri dan menggubal Akta Perhimpunan Aman serta meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti atau Auku.

Najib berkata, Isnin ini beliau akan membentangkan rang undang-undang bagi memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di persidangan Dewan Rakyat.


"Pada hemah kerajaan, meskipun ISA telah banyak berjasa kepada negara, ia telahpun melampaui jangka hayat kegunaannya. Kita memerlukan kerangka baru perundangan ke-

selamatan nasional dalam era kontemporari yang semakin kompleks," katanya.

Najib juga berkata, di bawah undang-undang baru, kerajaan mengambil keputusan untuk menghapuskan kuasa tahanan tanpa perbicaraan dimiliki Menteri Dalam Negeri manakala tahanan oleh pihak berkuasa bagi tujuan siasatan kini dipendekkan.

"Kuasa semakan kehakiman pula akan dikembalikan sepenuhnya kepada Mahkamah. Rang Undang-Undang ini juga menjamin bahawa tidak ada seorangpun rakyat Malaysia boleh ditahan kerana kepercayaan atau aktiviti politiknya," katanya.

Najib berkata, Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan yakni Langkah-Langkah Khas, yang dibacakan buat pertama kali di persidangan Dewan Rakyat semalam, bukan sahaja akan memastikan pihak berkuasa mempunyai senjata perundangan yang cukup bagi memerangi keganasan global dan mempertahankan demokrasi berparlimen di Malaysia, tetapi juga untuk memelihara hak kebebasan warganegara. - Bernama



Najib pada ucapan istiadat pertabalan di Balairong Seri, Istana Negara, semalam.